

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN - BN]

TARIKH : 17 JUN 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 77)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kementerian bagi memastikan semua kemudahan sukan di seluruh negara digunakan secara optima terutama setelah selesai setiap kejohanan SUKMA di setiap negeri agar kemudahan tersebut tidak menjadi gajah putih.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan infrastruktur Sukan Malaysia (SUKMA) di negeri-negeri lebih menumpukan pembinaan kemudahan utama pertandingan seperti Kompleks Akuatik (Renang/Terjun), Stadium Tertutup serta Dewan Serbaguna jika negeri selaku penganjur masih belum mempunyai kemudahan tersebut.
2. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa menggalakkan penggunaan kemudahan-kemudahan ini dalam melaksanakan program pembangunan sukan di negeri-negeri tersebut. Negeri-negeri yang pernah menganjurkan Sukan Malaysia juga turut mengelolakan sukan dwi tahunan di peringkat negeri yang secara tidak langsung dapat menggalakkan pertandingan yang lebih kerap di peringkat akar umbi.
3. Kemudahan-kemudahan ini juga boleh dijadikan pusat latihan sepanjang tahun bagi program pembangunan sukan di negeri-negeri agar kesinambungan program latihan dapat dilaksanakan secara berterusan tanpa menunggu sesi latihan pusat seperti yang diamalkan. Kementerian juga menyarankan kepada Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) supaya bekerjasama dengan Persatuan Sukan Negeri dalam merangka dan menganjurkan pertandingan di venue-venue tersebut dengan lebih kerap.

Sekian, terima kasih.